KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI SELANGOR			

Gesa perjelas status Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah

HM 15 Okt 2021_12

Shah Alam: Kerajaan negeri digesa menjelaskan status sebenar penyahwartaan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah (HSKBC) di Seksyen U10 di sini yang didakwa mengelirukan.

Jurucakap Persatuan Rimba Komuniti Shah Alam (SACFS), Teckwyn Lim berkata, pihaknya mengharapkan satu pertemuan dengan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian bagi mengetahui perkara sebenar.

"Kenyataan Hee bertarikh 24 September lalu merujuk kepada lakaran peta pewartaan PW1443 dinyatakan sebagai bukti, tetapi kami tidak menemukan sebarang maklumat yang mengesahkan proses penyahwartaan itu sudah dilakukan.

"Jadi, lebih baik jika kami dapat bertemu dengan Hee supaya kekeliruan isu ini dapat dijelaskan dengan segera," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyerahkan permohonan temu janji itu kepada wakil pejabat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar di pintu masuk utama Bangunan SUK, kelmarin.

Lim berkata, dalam Enakmen Perhutanan Selangor 1985, penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dan disempurnakan melalui proses pemberitahuan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor.

"Undang-undang menyatakan semua penyahwartaan hutan simpan kekal wajib diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri, tetapi peta PW1443 itu tidak pernah diterbitkan sama ada dalam Warta Kerajaan Negeri, surat khabar atau apa juga media.

"Oleh itu, ia adalah salah untuk menyatakan PW1443 adalah bukti penyahwartaan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah. Kami juga mendapatkan salinan peta terbitan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) Selangor bernombor PW1443. Walaupun peta ini memang menunjukkan kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah namun tidak sama dengan kandungan dokumen Pemberitahuan Warta yang diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor 2006," dakwanya.

Lim berkata, SACFS juga mendesak untuk arahan henti kerja (*stop-work order*) dilaksanakan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah sehingga penyelesaian kepada masalah ini dan kata putus dikeluarkan.

Pada 24 September lalu, Hee memaklumkan projek pembangunan berhampiran Bukit Cerakah dan Hutan Komuniti Shah Alam berada di luar kawasan hutan simpan kekal.

Katanya, kawasan hutan simpan kekal yang paling hampir dengan pembangunan itu adalah HSKBC dan Hutan Simpan Bukit Cerakah Tambahan.